



KENYATAAN MEDIA

JPJ PERHEBAT OPERASI: PENGUATKUASAAN MENYELURUH SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2026

SHAH ALAM, SELANGOR — Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) mengambil maklum dan akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan selaras dengan pengumuman YB Menteri Pengangkutan berhubung pelaksanaan **Larangan Pemanduan ke Atas Kenderaan Barangan (Road Ban)** dan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Larangan tersebut akan dikuatkuasakan selama **empat (4) hari**, iaitu pada **19 hingga 20 Mac 2026**, serta **28 hingga 29 Mac 2026**, bagi memastikan aliran trafik lebih lancar di lebuh raya dan jalan utama di seluruh negara.

Seiring dengan itu, JPJ turut mempergiat **Operasi Hari Raya Aidilfitri 2026** dengan memberi tumpuan terhadap **sembilan (9) kesalahan utama** yang dikenal pasti sebagai penyumbang utama kemalangan jalan raya, iaitu:

- **Tidak mematuhi had laju;**
- **Tidak mematuhi isyarat lalu lintas termasuk melanggar lampu merah;**

- Memotong di garisan berkembar;
- Memandu di lorong kecemasan;
- Tidak memakai tali pinggang keledar atau topi keledar;
- Memotong barisan;
- Menggunakan telefon bimbit ketika memandu;
- Membawa lebih muatan; dan
- Membawa muatan secara berbahaya.

Di samping itu, pemasangan serta penguatkuasaan ***Speed Limitation Device (SLD)*** turut diberikan penekanan khusus terhadap **kenderaan perdagangan** bagi memastikan pematuhan kepada had kelajuan yang telah ditetapkan.

Sehingga **12 Mac 2026**, daripada keseluruhan **513,679 kenderaan perdagangan** yang tertakluk kepada keperluan pemasangan SLD, hanya **74,552 kenderaan (15%)** telah membuat pemakluman pemasangan kepada JPJ, manakala **439,127 kenderaan (85%)** masih belum berbuat demikian. Jumlah tersebut melibatkan **495,827 kenderaan barangan (berat maksimum melebihi 3,500 kilogram)**, serta **17,852 buah bas** yang mempunyai kapasiti **membawa lebih lapan (8) penumpang (berat maksimum melebihi 5,000 kilogram)**.

Bagi memperkukuh tahap pematuhan terhadap keperluan ini, JPJ turut melaksanakan **Operasi Khas Penguatkuasaan SLD** bermula **1 Oktober 2025 hingga 12 Mac 2026**. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak **111,743 kenderaan perdagangan telah diperiksa**, dengan **8,924 kenderaan dikenakan tindakan (Temu Siasat 114)** atas pelbagai kesalahan berkaitan pematuhan serta kefungsian peranti had kelajuan berkenaan.

JPJ mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua **pengendali syarikat pengangkutan** serta **pemilik kenderaan perdagangan** untuk memastikan kenderaan masing-masing **mematuhi keperluan pemasangan SLD** serta sentiasa **mengutamakan aspek keselamatan**.

Semua pengguna jalan raya turut diingatkan agar **memandu secara berhemah** dan **mematuhi undang-undang lalu lintas** sepanjang tempoh perayaan. Selaras dengan tema “**Pandu Cermat, Sampai Selamat**”, **disiplin dan toleransi** di jalan raya amat penting bagi memastikan setiap pengguna dapat pulang ke kampung halaman dengan selamat.

**KETUA PENGARAH
PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

13 MAC 2026

[TAMAT]